

Buletin

IQRA'

2026

Bil. 3/2026 - Mac • eISSN: 2735-1920

MINGGU KEGIATAN PELAJAR DAN KO-KURIKULUM



Minggu Kegiatan Pelajar dan Ko-Kurikulum ITM yang diadakan dari 31 Mac hingga 3 April 1989 bersempena Majlis Konvokesyen telah menonjolkan pelbagai aktiviti pelajar seperti pameran, jualan dan persembahan kebudayaan serta ketenteraan, di samping memupuk kerjasama, jati diri dan penglibatan aktif pelajar dalam membentuk sahsiah serta pembangunan diri.



SCAN

MEMORI UiTM DALAM SEJARAH

UiTM Hari ini Dalam Sejarah

Edisi Mac 2026

31 Mac 1986
Sudut Ilmu ITM Shah Alam

Perasmian Sudut Ilmu disempurnakan oleh YB Encik Abdul Ghafar Baba pada 31 Mac 1986

Sudut ilmu yang terletak di Dataran Perpustakaan Tun Abdul Razak

Sudut ilmu yang terletak di Dataran Perpustakaan Tun Abdul Razak telah ditubuhkan pada tahun 1985 sebagai satu inisiatif memperluas akses kepada ilmu pengetahuan dalam kalangan warga kampus. Penubuhannya bertujuan mendedahkan sebanyak mungkin maklumat dan pengetahuan kepada jumlah pelajar yang maksimum, namun tetap memberi impak yang mendalam dalam tempoh masa yang singkat. Perasmian Sudut Ilmu disempurnakan oleh YB Encik Abdul Ghafar Baba pada 31 Mac 1986. Melalui platform ini, setiap kursus di Institut Teknologi MARA berpeluang memaparkan maklumat dan aktiviti masing-masing.

Pameran disampaikan dalam bentuk pengenalan ringkas, latar sejarah, carta organisasi, jadual serta model berkaitan bidang pengajian. Ia berlangsung sepanjang tahun, sekali gus memberi peluang kepada para pelajar menimba ilmu di luar bidang pengkhususan mereka dan memperluas perspektif akademik. Inisiatif Sudut Ilmu ini turut diperluaskan ke kampus-kampus cawangan dengan penempatan ruang pameran di perpustakaan atau lokasi strategik yang mudah diakses oleh semua pelajar. Matlamatnya jelas menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan secara inklusif dan berterusan. Bahan-bahan pameran dari kampus Shah Alam pula dibawa secara bergilir ke kampus-kampus cawangan, memastikan perkongsian ilmu dapat dinikmati secara menyeluruh oleh seluruh komuniti universiti. Sudut Ilmu ini telah diubahsuai bagi memberi laluan kepada keperluan kampus yang terkini dan masih menjadi tumpuan warga UiTM kerana kedudukan strategiknya.

Pembangunan Ilmu Bersejarah di UiTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



SCAN



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

*Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam*